

Komentaar



Prof Madya Lt Kol Mohamed Tarmizi Ahmad

Penulis ialah Pensyarah Jabatan
Kejuruteraan Aeroangkasa
Universiti Putra Malaysia (UPM)

Malaysia dikejutkan lagi dengan nahas helikopter terhempas yang mengorbankan nyawa individu penting (VIP) negara. Tragedi di Sebuyau dekat Simunjan, Sarawak, kelmarin adalah nahas kedua membabitkan helikopter membawa VIP terhempas.

Sebelum ini, Ahli Parlimen Rompin, Allahyarham Tan Sri Dr Jamaluddin Jarjis dan lima yang lain terkorban dalam tragedi helikopter terhempas di Kampung Pasir Baru, Sungai Pening, Semenyih, Selangor, pada 4 April 2015.

Hakikatnya, banyak faktor dan punca bagaimana tragedi seperti ini boleh berlaku. Hasil siasatan forensik di lokasi nahas, data penerbangan dan rakaman hubungan juruterbang dengan menara kawalan udara boleh menentukan punca sebenar nahas.

Apa yang perlu ditekankan apabila membicarakan tragedi seperti ini ialah langkah awal yang boleh dilaksanakan bagi mengurangkan

risiko atau mengecilkan sebab berulangnya tragedi pesawat terhempas dan mengorbankan nyawa penumpang.

Maklumat perjalanan

Pada asasnya, ada beberapa perkara dan peraturan yang perlu dipatuhi serta diikuti juruterbang helikopter sebelum dan ketika menerbangkan pesawat, seperti mendapatkan maklumat perjalanan penerbangan, mengkaji ketinggian dan bentuk muka bumi di laluan penerbangan.

Ada kecenderungan dalam kalangan pemandu helikopter yang gemar terbang di kawasan rendah, mengikut laluan sungai atau lembah. Ini satu tindakan yang boleh meningkatkan risiko nahas.

Apa yang penting, juruterbang helikopter perlu peka dengan laluan penerbangan, pastikan sentiasa mengikut peraturan instrumen penerbangan (IRF) kerana mengendalikan helikopter tidak sama seperti mengendalikan pe-

sawat penerbangan.

Dalam hal ini, juruterbang helikopter perlu lebih berdisiplin apabila berada di udara dan tidak mengendali 'mengikut rasa' seperti 'melancong' kerana tidak semua perkara difikirkan betul untuk dilakukan adalah betul kerana ditakuti mengundang bahaya.

Jika tidak mengikut peraturan bermakna juruterbang meningkatkan risiko nahas. Walaupun juruterbang yakin dengan pemanduannya, soal keselamatan adalah sesuatu yang tidak boleh dikompromi sama sekali.

Dalam konteks cuaca dan bentuk muka bumi di negara ini, terutama di Sarawak, majoriti kawasan laluan penerbangan adalah kawasan tanah tinggi yang sering terdedah dengan perubahan cuaca serta tiupan angin tidak menentu.

Faktor ini perlu diberi perhatian oleh juruterbang helikopter di Sarawak, lebih-lebih lagi jika mereka adalah orang luar yang

tidak biasa dengan bentuk muka bumi dan cuaca di negeri itu.

Terbang di Sarawak sangat mencabar bagi pemandu helikopter kerana suhu tinggi, ketumpatan udara dan altitud tinggi yang boleh menyebabkan gangguan kepada prestasi enjin serta daya angkatan helikopter.

Patuhi SOP

Tahap pemandangan rendah disebabkan faktor cuaca dan keadaan angin akan menambah risiko operasi helikopter. Juruterbang perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) bagi mengekalkan tahap keselamatan.

Berikutan operasi helikopter bersifat dinamik, juruterbang perlu sentiasa peka dan mempunyai tahap pengawasan tinggi. Juruterbang perlu membiasakan diri dengan sebarang perkara luar jangka dan kegagalan pesawat bagi membantunya menyelamatkan diri jika berlaku perkara tidak diingini.

BH

7/5/2016 p. 4